



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS PENGELOUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA
JUN 2023

Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia menyusut 2.2 peratus pada Jun 2023 berikutan oleh kemerosotan sektor Pembuatan dan Perlombongan

PUTRAJAYA, 8 Ogos 2023 – Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia menyusut 2.2 peratus pada Jun 2023 berikutan oleh kemerosotan sektor Pembuatan dan Perlombongan. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Jun 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan berkata, “Pada Jun 2023, IPP kembali merekodkan penyusutan, menurun 2.2 peratus tahun ke tahun berbanding pertumbuhan positif 4.8 peratus yang dicatatkan pada Mei 2023. Kejatuhan pada bulan Jun 2023 adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam sektor Pembuatan dan Perlombongan dengan masing-masing mencatatkan negatif 1.6 peratus (Mei 2023: 5.1%) dan negatif 6.4 peratus (Mei 2023: 2.9%). Sementara itu, pengeluaran sektor Elektrik menyederhana kepada 2.8 peratus berbanding 5.9 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Bagi perbandingan bulan ke bulan, IPP meningkat 2.2 peratus berbanding 7.3 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Kemerosotan dalam pengeluaran Pembuatan pada Jun 2023 adalah dipengaruhi terutamanya oleh kejatuhan sebanyak 3.9 peratus dalam industri berorientasikan eksport (Mei 2023: 2.8%). Ia merupakan penyusutan kedua dalam industri berorientasikan eksport pada tahun ini, susulan penurunan pada bulan April 2023. Penurunan industri berorientasikan eksport pada Jun 2023 dipengaruhi terutamanya oleh kejatuhan dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-10.8%); dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-4.0%). Kemerosotan ini juga adalah selari dengan prestasi eksport negara yang jatuh 14.1 peratus pada Jun 2023. Di peringkat global, situasi yang sama turut dialami oleh pelbagai negara yang berdepan dengan ketidaktentuan dalam permintaan luaran bagi barang sekali gus mempengaruhi prestasi industri berorientasikan eksport negara pada bulan Jun 2023. Sebaliknya, industri berorientasikan domestik terus

berkembang walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.1 peratus berbanding

10.1 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini dipacu oleh Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan (6.7%); dan Pembuatan produk prosesan makanan (5.8%). Berbanding bulan sebelumnya, pengeluaran sektor Pembuatan meningkat 5.5 peratus, mengekalkan momentum positif untuk dua bulan berturut-turut.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin juga menambah, “Pengeluaran sektor Perlombongan menurun 6.4 peratus pada Jun 2023, mencatatkan kadar pertumbuhan terendah sejak Mei 2022 (-7.4%). Penyusutan ini dipengaruhi oleh kejatuhan dalam kedua-dua Gas Asli dan Minyak Mentah & Kondensat, dengan masing-masing merekodkan negatif 7.8 peratus (Mei 2023: 4.5%) dan negatif 4.5 peratus (Mei 2023: 0.6%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, indeks Perlombongan jatuh 7.7 peratus berbanding pertumbuhan positif 7.6 peratus yang direkodkan pada Mei 2023.”

Namun begitu, pengeluaran Elektrik meningkat sederhana sebanyak 2.8 peratus pada Jun 2023, selepas pertumbuhan 5.9 peratus pada bulan lalu. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Elektrik menurun 5.3 peratus berbanding pertumbuhan positif 9.3 peratus yang dicatatkan pada bulan Mei 2023.

Secara keseluruhannya, pada suku kedua 2023, IPP mencatatkan penurunan marginal 0.3 peratus berbanding pertumbuhan 2.9 peratus yang direkodkan pada suku pertama 2023. Pada tempoh tersebut, indeks Perlombongan merosot 2.8 peratus, manakala sektor Pembuatan meningkat sedikit sebanyak 0.1 peratus. Namun begitu, penjanaan Elektrik meningkat 2.8 peratus, meneruskan aliran menaik bagi dua suku tahun berturut-turut.


Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi enam bulan pertama tahun 2023, Ketua Perangkawan berkata, “IPP menyederhana kepada 1.3 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (Januari - Jun 2022: 5.4%). Peningkatan ini disokong oleh indeks Pembuatan (1.7%) dan indeks Elektrik (1.6%). Sebaliknya, indeks Perlombongan turun sebanyak 0.4 peratus.”

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.


**Carta 1: Prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian,
Jun 2022 – Jun 2023**




**Carta 2: Prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian,
ST2 2022 – ST2 2023**




Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Mei 2023 dan Jun 2023




Carta 4: Prestasi Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Jun 2022 – Jun 2023



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Mei 2023 dan Jun 2023



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Mei 2023 dan Jun 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 OGOS 2023**